



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Gambar: Duduk dari kiri Hajah Azizan Ali, dan anak lelaki.

Berdiri dari kiri ; Dr Hafizah, Puan Arbizah Abd Rahim, Ramlah Husin, Haji Zainal Abidin Hassan dan anak perempuan Hajah Azizan Ali.

Puan Arbizah Abd Rahim menyampaikan sumbangan kebajikan PESUTM kepada Hajah Azizan Ali.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

En. Muhamad Saad Sulaiman | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Puan Kasuma Masjuria B. Basar (019-713 1743)

Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

Puan Faridah Hussein

En Abdul Hadi Othman

En. Othman Adun

SKUDAI | 30 Januari 2024

ZIARAH BALU ALLAHYARHAM ROSELY ABDUL RAHMAN DAN HAJAH AZIZAN ALI

Sebaik sahaja selesai sesi perbincangan Persatuan Pesara UTM (PESUTM) dengan Wasiyyah Shoppe, seramai lima Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM telahpun menjadualkan program selanjutnya, iaitu menziarah balu allahyarham Mohd Rosely Abdul Rahman di kediamannya Jalan Pakis 7, Taman Sri Pulai. Lima ahli yang dimaksudkan terdiri daripada Saudara Roslan Abd Ghani, Puan Abrizah Abd. Rahim, Puan Ramlah Husin, Dr. Hafizah Harun dan Haji Zainal Abidin Hassan. Dalam kunjungan ini Saudara Roslan menyampaikan salam takziah daripada Yang DiPertua dan seluruh Ahli Jawatankuasa PESUTM yang mengharapkan seisi keluarga bersabar, tabah menghadapi dugaan ini serta cecal meneruskan kehidupan. Selain itu, Dr. Hafizah Harun bagi pihak PESUTM menyampaikan sumbangan kebajikan PESUTM kepada balu Allahyarham. Ketika sama balu allahyarham Rosely turut mengucapkan rasa terima kasih tak terhingga kepada PESUTM kerana banyak membantu dalam menguruskan jenazah allahyarham dari hospital Kluang hinggalah kerja pengebumian di tanah perkuburan Islam Kangkar Pulai. Beliau redha dengan pemergian suami dan mengucapkan terima kasih atas ucapan takziah serta sumbangan kebajikan PESUTM.

Seusai itu, sesi ziarah seterusnya ke kediaman Puan Hajah Azizan Ali yang ditimpa musibah Minor stroke. Beliau telah dibenarkan pulang ke rumah di samping menjalani rawatan fisioterapi, makan ubat yang dibekalkan oleh pihak hospital. Semasa ziarah ini, Hajah Azizan dilihat beransur sihat, bahkan mampu bertutur dan berbual dengan baik. Walaupun bergerak dibantu dengan peralatan, beliau nampak bersemangat dan ceria. Sepanjang tempoh rawatan Hajah Azizan dijaga anak perempuan beliau sepenuh masa. Dr. Hafizah Harun bagi pihak PESUTM menyampaikan sumbangan kebajikan persatuan kepada Hajah Azizan. Diakhir sesi ini, Hajah Azizan mengucapkan terima kasih atas kunjungan ini dan sumbangan kebajikan yang diberikan oleh Persatuan Pesara UTM.

